



---

**SURAT PEKELILING KEWANGAN  
BILANGAN 7 TAHUN 2017**

---

**KADAR PENYEWAAN PERALATAN PERABUT  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**Pejabat Bendahari**

07 Ogos 2017

**Disalinkan kepada:**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 7 ( 7 )

07 OGOS 2017

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 7/2017

### **KADAR PENYEWAAN PERALATAN PERABOT UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkaitan Kadar Penyewaan Peralatan Perabot Universiti.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Kadar sewaan bagi peralatan perabot Universiti adalah bertujuan untuk penyewaan kepada pihak luar dalam menyahut seruan Universiti agar PTj mengambil inisiatif mempelbagaikan penjanaaan pendapatan Universiti.
- 2.2 Penetapan kadar penyewaan perabot Universiti adalah juga sebagai rujukan kepada semua pihak yang ingin menyewa perabot Universiti.
- 2.3 Kadar penyewaan perabot telah dibentang dan diperakukan dalam Mesyuarat Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) Bil. 2/2017 dan diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 2/2017.

### 3.0 KADAR PENYEWAAN PERABUT

3.1 Penetapan kadar sewaan perabot yang disewakan oleh pihak luar adalah seperti berikut:

#### KADAR PENYEWAAN PERALATAN PERABOT UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

Bil.	Peralatan	Unit	Kadar Sewaan (RM)
1	Kerusi Banquet	1 unit	7.00
2	Kerusi VIP - Kuning	1 unit	150.00
3	Kerusi VVIP (kayu) - Biru	1 unit	300.00
4	Platform 8' x 4' tinggi 0.5'	1 unit	125.00
5	Platform 8' x 4' tinggi 1.5'	1 unit	250.00
6	Platform 4' x 4' depan	1 unit	90.00
7	Meja Sisi (kaca)	1 unit	50.00
8	Kerusi Plastik	1 unit	2.00
9	Meja Panjang	1 unit	25.00
10	Meja Bulat	1 unit	25.00
11	Stand Backdrop (rangka) 12' x 8'	1 unit	250.00
12	Rostrum	1 unit	150.00

3.2 Sekiranya terdapat perabot yang akan disewakan tetapi tiada dalam senarai kadar perabot seperti jadual di atas, maka kadar harga peralatan perabot berkenaan adalah berdasarkan kadar semasa di pasaran.

## 4.0 PENGURUSAN PENYEWAAN PERABUT

- 4.1 Pejabat Pembangunan bertanggungjawab menguruskan permohonan tempahan penyewaan perabut daripada pelbagai pihak. Sekiranya terdapat permohonan oleh pihak luar melalui lain-lain PTj, maka permohonan berkenaan perlulah dirujuk kepada Pejabat Pembangunan.
- 4.2 Kelulusan penyewaan oleh Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti) (PNCPPF). Carta alir proses kelulusan permohonan adalah seperti di **Lampiran A**.
- 4.3 Sebarang pengurusan penyewaan ruang dan kemudahan termasuk peralatan adalah tertakluk kepada Pekeliling Bendahari Bil. 6/2014 iaitu Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Ruang Dan Kemudahan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Surat Pekeliling Kewangan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
- 4.4 Kadar penyewaan adalah tertakluk kepada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Kadar yang dicadangkan ini **belum** termasuk GST. Oleh itu, di dalam penyediaan sebut harga kepada pihak luar, **6% GST** akan dikenakan.
- 4.5 Tuntutan dan pembayaran caj penyewaan:
  - 4.5.1 Permohonan pengeluaran invois cukai/bil tuntutan dimohon oleh Pejabat Pembangunan melalui Zon Kewangan Pembangunan, Emolumen Dan Pembiayaan dan penyewa perlu menjelaskan pembayaran penyewaan tidak lewat dari 30 hari dari tarikh Invois Cukai.
  - 4.5.2 Bayaran kepada Universiti boleh dibuat dalam bentuk Cek/Draf Bank/ Kiriman Wang/Wang Pos dan dipalang atas nama BENDAHARI UTeM atau bayaran boleh dikreditkan terus ke akaun Universiti dan slip bayaran dikemukakan ke Pejabat Bendahari untuk pengesahan/bukti pembayaran.
  - 4.5.3 Resit rasmi akan dikeluarkan sebagai bukti pembayaran.

## 5.0 PEMAKAIAN

5.1 Kadar penyewaan ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh kelulusan kadar penyewaan ini sehingga ia dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menurut perintah,



**KHAIRUL BIN TAIB**  
Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
*AA/JPP/Pekeliling Perijanaan*

**CARTA ALIR SEWAAN PERALATAN PERABOT DAN RUANG DI PEJABAT PEMBANGUNAN,  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

